

Pengedar Proton e.MAS Mendapat Perkongsian Terkini daripada Lawatan R&D Geely di China

Jumlah Keseluruhan Pengedar Proton e.MAS yang Dilantik Meningkat kepada 36, Menunjukkan Kesiediaan di dalam Pasaran EV Malaysia

Subang Jaya, 1 Oktober 2024 – PRO-NET, anak syarikat pembuat kereta nasional PROTON mengumumkan pelantikan sebanyak 36 buah pengedar Proton e.MAS melebihi dua kali ganda berbanding 17 pengedar yang telah diumumkan pada bulan Jun 2024 yang lalu sekaligus menekankan komitmen PRO-NET dalam meningkatkan pasaran EV di Malaysia serta memperluaskan keupayaan perkhidmatan pelanggannya.

Peningkatan jumlah pengedar Proton e.MAS ini disertai dengan lawatan ke Institut Penyelidikan Geely (GRI) di Hangzhou China, yang disertai lebih daripada 40 eksekutif dan pengurus pengedar dari Malaysia. Lawatan selama tiga hari ini bertujuan untuk memberikan peluang untuk merasai teknologi canggih Geely dalam mendapatkan input mengenai cara pengendalian operasi jualan dan servis model EV premium dari rangkaian pengedar di bawah syarikat Geely.

“Sejak pelancaran jenama Proton e.MAS pada bulan Jun yang lalu, kecepatan pembangunan menjelang pelancaran model pertama kami harus diberi pujian. Penambahan 19 buah pengedar baru ke dalam ekosistem kami menunjukkan semangat juang yang tinggi terhadap ketibaan EV nasional pertama PROTON. Sementara itu, respons bersemangat yang diterima daripada pengurus pengedar yang menyertai lawatan Geely amat memberangsangkan. Penyelidikan yang mendalam Geely mengenai pembangunan teknologi canggih telah meningkatkan kesiediaan dalam mengendalikan rangkaian pengedar Proton e.MAS mereka sambil membangunkan ekosistem EV di Malaysia,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

Menerajui Teknologi Canggih

Para pengedar melawat ke pusat GRI di Teluk Hangzhou untuk mendalami dengan lebih lanjut mengenai teknologi canggih dan inovasi yang dibina di dalam model Proton e.MAS 7 iaitu model sulung jenama ini. Selain daripada sesi perkongsian teknologi, para pengedar juga berpeluang untuk merasai sendiri teknologi tersebut dengan panduan uji Geely E5 di litar percubaan yang telah disediakan.

Para pengedar turut singgah di Pusat Pengesahan Kenderaan Tenaga Baharu untuk melihat bagaimana Geely menjalankan ujian pra-pengeluaran, penilaian dan pengesahan bagi pembuatan dan teknologi kenderaan EV.

Lawatan ke pelbagai pengedar premium di bawah rangkaian luas Geely juga turut diatur. Hal ini kerana usaha dalam meningkatkan tanda aras piawaian yang telah ditetapkan kepada pengedar dan prosedur-prosedur mengenai perkhidmatan pelanggan, strategi jualan dan latihan kepada kakitangan. Para pengedar kagum melihat bilik pameran yang premium, kualiti piawaian yang terbaik, prosedur moden yang ditunjukkan dan bersedia untuk mengintegrasikan elemen tersebut ke dalam pengedar Proton e.MAS pada masa hadapan.

“Kesempatan kami untuk melawat GRI sangat membuka mata. Merasai pengalaman teknologi canggih yang sedang dibina, diuji, dan disahkan mengukuhkan lagi keyakinan kami terhadap teknologi dan inovasi global yang dibangunkan bersama Geely dan PROTON yang akan digunakan di dalam kenderaan elektrik pertama Malaysia,” kata Abdul Hakim Bin Basri, Pengurus Pengedar Proton e.MAS Kota Bharu - JM Otomobil (EV).

Dengan pengalaman dan strategi yang baru, para pengedar Proton e.MAS berhasrat untuk membina pusat pengedaran yang bukan hanya sekadar tempat jualan, tetapi juga hab inovasi dan komuniti untuk memberi inspirasi kepada individu untuk mengetahui teknologi EV akan datang.

Pengembangan sebanyak 36 buah pengedar Proton e.MAS menandakan langkah yang signifikan dalam mewujudkan rangkaian perkhidmatan pelanggan yang semakin meluas di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pengembangan strategik ini menekankan komitmen PRO-NET dalam menyediakan sokongan yang komprehensif kepada pelanggan sambil memajukan Malaysia ke arah masa depan mobiliti lestari.

"Saya sangat kagum bukan hanya dengan penyelidikan dan pembangunan teknologi yang dijalankan oleh Geely, tetapi juga pengalaman premium di pengedar yang kami lawati. Secara peribadi, saya terinspirasi dan bersemangat untuk membawa elemen tersebut ke dalam pengedar Proton e.MAS kami di Malaysia." Datuk Andrew Quek Tze Kean, Pemilik Pengedar, Proton e.MAS Shah Alam - SG Car.

Minat untuk Menjadi Pengedar Proton e.MAS?

Dengan revolusi EV yang semakin pesat membangun, misi PRO-NET bukan sahaja memluas penerimaan EV tetapi juga menyediakan laluan kerjaya bagi mereka yang berminat untuk membangunkan dan memelihara ekosistem EV tempatan dengan matlamat mobiliti lestari.

PRO-NET terus mencari rakan kongsi yang bersemangat dan berdedikasi untuk menyertai rangkaian pengedar Proton e.MAS yang semakin berkembang. Jika anda berminat untuk menjadi sebahagian daripada perjalanan kami ke arah masa depan yang lebih lestari, kami ingin mendengar daripada anda. Emel kami di Zhaole@proton.com / affendyk@proton.com

Ikuti laman [web](#) Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna 'Proton e.MAS Cars' untuk [Facebook](#) dan [Xiaohongshu](#), '@protonemasofficial' untuk [Instagram](#) dan [TikTok](#) untuk mendapat maklumat terkini mengenai perkembangan terbaru dari Proton e.MAS. Sertai kami dan jadi sebahagian daripada revolusi dalam industri automotif negara.

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawaian Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-219 4581
Email: salawati@proton.com

Faisal Shah Mohamed Shah
Senior Manager Group Communication
Telephone: +6019-321 8897
Email: faisalshah@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj
H/Advisors Klareco
Telephone: +6017 610 3249
Email: nicholas.raj@h-advisors.global

Joshua Fredrick
H/Advisors Klareco



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

M: +6012 392 8943

[Email: joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)